

Mahu persiap diri langkah masuk alam kerja

NURAFIQAH DAUD

BARU sahaja mahu bersantai di rumah setelah tamat peperiksaan terakhir di universiti, ibu dah bersuara:

“Wah, anak betul kamu tak buat apa-apa. Bila nak cari kerja?”

Teguran ibu membuat saya tergerak dan langsung membuat persiapan sebelum menyelam ke alam pekerjaan.

Pertama sekali, saya memastikan akaun sosial saya tidak mengandungi unsur yang kurang sihat yang boleh menjejaskan peluang pekerjaan.

Ini termasuk “tweet” dari 5 tahun dulu di mana saya merungut tentang guru di maktab rendah, ataupun gambar “Neoprint” bersama rakan di zaman sekolah menengah di Facebook.

Saya juga menyemak video yang dikongsi di akaun sosial dan memastikan ia tidak mengandungi bahan yang mungkin menyinggung perasaan penonton atau mengandungi bahasa kasar.

Saya turut dinasihatkan supaya pastikan akaun sosial bebas daripada pos yang berupaya merosakkan kesempatan mendapatkan pekerjaan.

Sebagai calon pekerja, saya mengingatkan diri agar sentiasa menunjukkan penampilan yang baik – dalam dunia nyata mahu pun di ruang siber.

Satu lagi nasihat yang diberikan kepada saya ialah menggunakan gambar profil yang sesuai bagi akaun media sosial.



BUAT PERSIAPAN: Kemas kini akaun media sosial, rapikan resume dan dapatkan nasihat daripada yang lebih pengalaman merupakan antara persiapan bagi graduan yang melangkah masuk ke alam kerja. – Foto MUHD AUDI RATHI

Menggunakan gambar generik – seperti gambar telur di Twitter yang dicam ramai – boleh menunjukkan sifat pemalas.

Gambar anak kucing memang nampak comel, tetapi jika digunakan sebagai gambar profil, ia berpotensi membayangkan imej yang kurang profesional.

Ini tidak bermakna, anda harus mengambil gambar berpakaian formal – gambar tertib dan jelas, berpakaian baju yang sempurna memadai.

Melihat profil rakan-rakan graduan universiti seperti saya, saya dapat memerhatikan yang sebahagian mereka tidak memuat naik gambar profil – segan mereka.

Malangnya, walaupun mereka menyenaraikan kualiti yang baik-baik belaka, profil tetap kelihatan tidak lengkap.

Berbandingkan mereka yang sudah mengambil masa untuk memetik lalu memuat naik gambar, walaupun kandungan profil ringkas, ia kelihatan lebih sempurna.

Saya juga meluangkan masa menghadap komputer dan menyediakan akaun LinkedIn – laman rangkaian profesional terluas di dunia.

Saya juga berbincang dengan rakan-rakan saya dan bertanya tentang rancangan mereka selepas tamat pengajian.

Ada seperti Muhd Audi Mohd

Rathi, 26 tahun, juga sibuk membuat penyediaan untuk melangkah masuk ke alam pekerjaan.

“Saya membuat penyelidikan tentang syarikat itu – termasuk visi dan misi mereka untuk melihat jika ia sejajar dengan saya. Ia juga memastikan yang saya berpengetahuan tentang kegiatan syarikat tersebut agar dapat kesan positif kepada bakal majikan”

“Saya juga menyediakan sijil dan dokumen lain yang berkaitan agar apabila saya dijemput ke sesi temu duga, saya tidak akan menggelabah dan panik mencarinya,” ujar Muhd Audi.

Seorang lagi graduan Universiti London, Nur Raudhah Rafi'e, 23 tahun, pula sibuk menyiapkan resumennya.

“Saya akan mencari contoh resume dan membuat penyelidikan cara untuk mereka resume yang baik dan unik,” kata Nur Raudhah.

Eksekutif seni bina di DP Architects Pte Ltd, Cik Syahirah Abbas memberi nasihat supaya calon menyediakan bahan yang dapat membezakan diri dari calon lain.

“Apabila tamat pengajian di Politeknik Singapura beberapa tahun lalu, saya mengumpul semua projek yang saya laksanakan supaya dapat dipersembahkan kepada bakal majikan,” jelas Cik Syahirah.

Beliau juga menasihatkan graduan supaya berani mengambil risiko dan melangkah keluar dari zon keselesaan demi mengejar pekerjaan yang dikehendaki.

► Penulis pelajar Universiti London (Institut Pengurusan Singapura)